



# SIARAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 32/2023

## JKKN IKTIRAF 43 KARYA INSPITARI

**KUALA LUMPUR, 5 November 2023** – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan kerjasama Persatuan Seni dan Budaya Era Baru (MANES) menganjurkan Inspitari 2023 pada 4 dan 5 November 2023 (Sabtu & Ahad) jam 8.30 hingga 10.30 malam bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) Kuala Lumpur. Program yang berlangsung selama dua (2) hari ini menampilkan persembahan Karya Tradisi Negeri pada malam 4 November 2023 dan persembahan Karya Inspitari 2023 pada malam 5 November 2023.

“INSPITARI” adalah gabungan dua perkataan iaitu inspirasi dan juga tari yang bermaksud menggarap idea baru yang kreatif dan inovatif dalam bidang tari. Setiap Kumpulan Kesenian JKKN seluruh negara menghasilkan daya cipta kreatif, karya baru yang dinamik dan segar yang ditampilkan dalam bentuk persembahan tarian dan muzik yang baru beridentitikan keunikan masyarakat di Malaysia. Mula dilaksanakan pada tahun 2010, sejumlah 108 karya baharu telah dihasilkan oleh 16 orang koreografer melibatkan seramai 275 orang Artis Budaya Kumpulan Kesenian JKKN. Inspitari 2023 yang memasuki edisi ke – 8 tahun ini telah berjaya menghimpunkan seramai 250 orang peserta persembahan keseluruhan terdiri daripada Koreografer, Artis Budaya Tari dan Artis Budaya Muzik JKKN.

Menariknya penganjuran Inspitari tahun ini adalah penyerahan Sijil Pengiktirafan Karya Inspitari dari tahun 2010 – 2018 yang telah diangkat oleh JKKN bagi mendapatkan perkhidmatan pendaftaran harta Intelekt di Malaysia. Sebanyak 43 KARYA Inspitari telah berjaya berdaftar dengan MyIPO (Perbadanan Harta Intelekt Malaysia).

Selain itu juga, dalam usaha meneruskan penghasilan karya-karya seni yang berkualiti, JKKN turut memberi penghargaan kepada peserta yang terlibat dalam program ini menerusi dua (2) anugerah iaitu Anugerah Karya Terbaik Inspitari 2023 dan Anugerah Tik Tok karya Inspitari Sepanjang Zaman. Pengiktirafan Anugerah Karya Terbaik Inspitari 2023 dipilih berdasarkan karya negeri terbaik dalam persembahan kali ini dan membawa pulang Piala Pusingan beserta sijil penghargaan. Manakala Anugerah Tik Tok karya Inspitari Sepanjang Zaman diberikan kepada karya Inspitari terdahulu yang mempunyai LIKE tertinggi yang telah disiarkan dalam TikTok MySenibudaya bermula dari 4 Oktober hingga 31 Oktober 2023 yang diangkat sebagai koleksi terbaik Inspitari Sepanjang Zaman.

**Ketiga-tiga acara pengiktirafan dan anugerah tersebut berlangsung pada 5 November 2023 (Ahad), jam 8.30 malam bertempat di MaTiC, Kuala Lumpur.**

“Inspitari anjuran JKKN adalah merupakan program dwi tahunan yang memberi peluang kepada koreografer JKKN seluruh Malaysia menghasilkan karya baru dalam tarian. Ia juga adalah satu usaha ke arah melahirkan karya dan produk baru dalam bidang tari yang lebih dinamik dan segar. Objektifnya adalah bagi memperbanyakkan koleksi tarian baru yang unik, segar dan kaya identiti Malaysia. Ia juga dapat meningkatkan daya kreativiti jurutari dan artis tari setiap Kumpulan Kesenian JKKN. JKKN juga akan terus komited dalam usaha mencungkil dan menggali khazanah seni budaya negara yang terdapat di seluruh negara”, kata YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam kenyataannya hari ini.

Pemenang bagi Pertandingan Tik Tok Karya Inspitari Sepanjang Zaman telah dianugerahkan kepada JKKN Johor dengan persembahan Ketam Bangkok. Manakala pemenang bagi Anugerah Karya Inspitari 2023 Terbaik telah dianugerahkan kepada JKKN Johor dengan persembahan Tari Hulu Peta dari hasil karya kreatif koreografer Hamly Shah bin Ramli.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat JKKN atau boleh melayari laman media sosial JKKN.

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

**Website:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **Email:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & You Tube : @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Kanan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---

**ATUR CARA PROGRAM INSPITARI 2023  
5 NOVEMBER 2023 (AHAD)  
DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, MATIC, KUALA LUMPUR**

MASA	ACARA
8.00 Malam	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.15 Malam	Ketibaan YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abd Rahman Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya
8.30 Malam	Lagu Negaraku
8.33 Malam	Persembahan Pembukaan Rajuk Rindu oleh Nyala Dance Theatre
8.37 Malam	Ucapan Aluan YBrs. Encik Mohd Amran Bin Mohd Haris Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  - <b>Penyampaian Sijil Hak Cipta Karya Inspitari dari Pengarah, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)</b>
8.47 Malam	Persembahan Gimik Inspitari 2023
8.53 Malam	<b>Segmen 1 : Inspitari 2023</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Naka Laksmana (Negeri Melaka)</li> <li>- Joget Mentarang (Negeri Perlis)</li> <li>- Mekieng Kelabok (Etnik Melanau) (Negeri Sarawak)</li> <li>- Labi-labi (Negeri Pahang)</li> <li>- Kolusu (WP Kuala Lumpur)</li> </ul>
9.18 Malam	Persembahan Sitar oleh Mohammad Radzi Rosli @Ude Sitar
9.22 Malam	<b>Segmen 2 : Inspitari 2023</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Awe Mindo (Negeri Kelantan)</li> <li>- Tarian Monombodou (Negeri Sabah)</li> <li>- Ragam Semungkis (Negeri Selangor)</li> <li>- Inang Taboq (Negeri Kedah)</li> <li>- Chalok ( Ibu Pejabat 1)</li> <li>- Mengomping (Negeri Sembilan)</li> </ul>
9.52 Malam	Persembahan Mashup Malam Pagi dan Pujaanku oleh Kombo JKKN
9.56 Malam	<b>Segmen 3 : Inspitari 2023</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Segok Khuge (Negeri Terengganu)</li> <li>- Berinai Kita (Negeri Perak)</li> <li>- Zapin Gambus ( Ibu Pejabat 2)</li> <li>- Tari Hulu Peta (Negeri Johor)</li> <li>- Ronggeng Kepak Tanjung (Negeri Pulau Pinang)</li> </ul>
10.21 Malam	Persembahan Nyanyian Apokalips oleh Mohammad Fitri Ismail
10.26 Malam	<b>Majlis Penyampaian Hadiah Inspitari 2023</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Anugerah TikTok Karya Inspitari Sepanjang Zaman</li> <li>- Anugerah Karya Inspitari 2023 Terbaik</li> <li>- Sesi Bergambar</li> </ul>
10.35 Malam	Majlis Selesai

